



Headline: Ditipu 'Inspektor Raja Afiq'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 24 January 2020

Language: Malay
Section: Negeri
Page: 31

Ditipu 'Inspektor Raja Afiq'

Pengurus katering rugi
RM153,180 diperdaya
Macau Scam

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

BUTTERWORTH

Seorang pengurus cawangan syarikat katering rugi RM153,180 selepas diperdaya sindiket Macau Scam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara,

Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, mangsa yang juga lelaki berusia 47 tahun diberi tekanan emosi selepas diberitahu terlibat kes pengubahan wang haram dan pengedaran dadah.

Menurutnya, mangsa menerima panggilan telefon kononnya daripada pihak mahkamah mengatakan dia terlibat dengan dua kes jenayah.

"Panggilan mangsa telah disambungkan kepada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'Inspektor Raja Afiq' dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

"Suspek memberi tekanan emosi terhadap mangsa dengan menyalahkannya selain memaklumkan bahawa mangsa boleh ditangkap dan diheret ke mahkamah.

"Mangsa yang ketakutan

hanya mengikut setiap arahan suspek yang memintanya memindahkan wang dari akaun banknya ke akaun sementara untuk siasatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noorzainy berkata, mangsa juga memberi maklumat akaun bank kepada suspek selain membuat beberapa siri transaksi ke atas beberapa akaun lain.

"Mangsa telah memindahkan wang sebanyak RM153,180 ke empat akaun berbeza seperti yang diarahkan suspek.

"Namun selepas berbuat demikian, mangsa menyedari dirinya telah terperangkap dengan sindiket penipuan sebelum membuat laporan polis," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan kerana menipu.



NOORZAINY